




KAD KREDIT BIBD

Lembaran Maklumat Produk



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK (“PDS”)

Sila baca PDS ini sebelum membuat permohonan Kad Kredit BIBD. Sekiranya awda memerlukan sebarang penjelasan, sila hubungi kami.

KAD KREDIT BIBD**1. Apakah produk ini?**

Kad Kredit BIBD adalah kad patuh Syara' yang digunakan untuk membuat pembayaran dan pembelian barang dan / atau perkhidmatan dari peniaga Mastercard / Visa. Ianya juga membolehkan Pengeluaran Pendahuluan Tunai melalui kaunter Bank, ATM di dalam dan luar negara. Wang Tunai yang awda keluarkan akan dicaj ke akaun kad kredit awda dan mengurangkan had kredit awda yang sedia ada.

2. Apakah produk yang ditawarkan di bawah Kad Kredit BIBD?

BIBD menawarkan kad kredit seperti berikut:

- BIBD World Mastercard (untuk Perbankan *Perdana Privilege* sahaja)
- BIBD Gold Mastercard
- BIBD Classic Mastercard
- BIBD Visa Platinum
- BIBD Visa Gold

3. Apakah konsep dan larangan Syariah untuk produk ini?

Kad Kredit BIBD adalah berdasarkan konsep Al-Kafalah bil Mal (jaminan kewangan) dan Al-Wakalah bil Ujrah (agensi dengan yuran). Di bawah konsep Al-Kafalah bil Mal, BIBD memberi jaminan kepada peniaga pembayaran bagi barang atau perkhidmatan yang dibeli oleh Pemegang Kad. Manakala di bawah konsep Al-Wakalah bil Ujrah, BIBD bertindak bagi pihak Pemegang Kad untuk mentadbir pembayaran Pemegang Kad kepada peniaga dan menguruskan akaun Pemegang Kad dengan yuran yang ditetapkan.

Kad Kredit BIBD tidak boleh digunakan bagi pembayaran aktiviti, barang dan / atau perkhidmatan di mana-mana peniaga yang dilarang oleh prinsip Syara' termasuk tetapi tidak terhad kepada kedai/kafe alkohol, kelab malam, perkhidmatan pengiring dan dating, dan sebarang transaksi perjudian.

Kod Kategori Pedagang ("MCC") berikut di bawah dikategorikan sebagai perniagaan tidak patuh Syara':

MCC	Penerangan MCC
5715	<i>Alcoholic Beverage Wholesalers</i>
5813	<i>Drinking places (alcoholic beverages) – bars, taverns, night-clubs, cocktail lounges and discotheques</i>
5921	<i>Package shops – beer, wine and liquors</i>
5967	<i>Direct Marketing – Inbound Telemarketing merchants – Adult Chat</i>
5973	<i>Religious goods and shops</i>
5993	<i>Cigar shops and stands</i>
7261	<i>Funeral Services and crematoriums</i>
7273	<i>Dating and escort services</i>
7800	<i>State owned lottery (US region only)</i>
7801	<i>State owned licensed online Casino (US region only)</i>
7802	<i>State owned licensed horse/dog racing (US region only)</i>
7995	<i>Gambling Services</i>
8661	<i>Organizations, Religious</i>
9406	<i>State owned lottery (specific country)</i>

Kad Kredit BIBD tidak boleh digunakan bagi mana-mana pembayaran obligasi pembiayaan bulanan awda dengan pihak Bank atau mana-mana subsidiarinya.

Pemegang Kad yang beragama Islam adalah tidak digalakkan untuk membeli barang emas atau perak dengan Kad Kredit BIBD untuk mengelakkan daripada bertransaksi dengan riba.

4. Siapakah yang boleh memohon?

Pelanggan yang berminat untuk memohon Kad Kredit mesti memenuhi kriteria berikut:

- Untuk Pemegang Kad Utama, mesti berumur 21 tahun dan ke atas
- Untuk Pemegang Kad Tambahan, mesti berumur 18 tahun dan ke atas
- Pendapatan bulanan tetap (gaji atau pence) yang ditetapkan di BIBD atau mengekalkan Akaun Simpanan Tetap / Sijil Deposit di BIBD.

5. Bagaimakah pengiraan kelayakan untuk Kad Kredit?

Pendapatan Bulanan Kasar (x)

BND500 ≤ x < BND1,000

BND1,000 ≤ x < BND10,000

x ≥ BND10,000

Had Limit

1 kali pendapatan bulanan kasar

2 kali pendapatan bulanan kasar

Kelayakan adalah tertakluk kepada polisi semasa Bank.

Kelayakan muktamad adalah tertakluk kepada dasar kredit dalaman BIBD dan penilaian keseluruhan.

6. Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon produk ini?

- Kad pengenalan atau pasport
- Slip gaji yang terkini
- Penyata Akaun Semasa atau Akaun Simpanan
- Surat pengesahan pekerjaan yang menyatakan gaji dan kontrak (jika berkenaan)

7. Bagaimakah saya membuat pembayaran untuk Kad Kredit??

Pembayaran Kad Kredit

Pemegang Kad boleh membuat pembayaran minimum / penuh yang akan didebit secara automatik dan ditolak sebaik sahaja gaji dikreditkan ke dalam akaun semasa / simpanan mereka. Bagi Pemegang Kad yang menerima gaji secara separuh bulanan, bayaran minimum akan dibahagikan kepada 2 jumlah yang sama dan akan ditolak dua kali sebulan.

Berdasarkan arahan tetap dan untuk membolehkan pihak Bank melaksanakan arahan tetap awda mengikut jadual, pihak Bank akan memerlukan masa yang mencukupi untuk menyediakan arahan tetap terlebih dahulu.

Pemegang Kad boleh memilih untuk tidak mendaftar pembayaran debit secara automatik jika kad mereka disertakan dengan cagaran. Dalam situasi tersebut, mereka perlu membuat pembayaran ke akaun kad mereka melalui mana-mana saluran yang tersedia iaitu di mana-mana kaunter BIBD, Mesin Deposit Tunai, BIBD NEXGEN Wallet atau BIBD NEXGEN Online dan pembayaran mesti diterima oleh pihak Bank pada atau sebelum tarikh pembayaran tamat tempoh (30hb setiap bulan kecuali bulan Februari).

Pembayaran Berlebihan

Pihak Bank hanya boleh mengkreditkan akaun Pemegang Kad dengan membayar balik pembayaran berkenaan dengan:

- a) apa-apa bayaran berlebihan yang dibuat ke akaun kad; atau
- b) sebarang kredit lain yang dianggap boleh dibayar balik oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad.

Sekiranya berlaku pembayaran berlebihan, sila hubungi pihak Bank melalui BIBD NEXGEN Wallet Mobile Chat, e-mel ke ContactCentre@bibd.com.bn atau hubungi Pusat Perhubungan kami di talan +673 2238181.

8. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan caj yang berkenaan boleh didapati di Jadual Tarif BIBD yang terkini di laman web kami di www.bibd.com.bn.

9. Apakah kewajipan saya?

Bayaran Bulanan Minimum

Bayaran Bulanan Minimum yang perlu dibayar di dalam penyata adalah dikira berdasarkan 8% daripada baki tertunggak atau minimum BND40 ditambah dengan yang berikut (jika ada):

- a) jumlah yang melebihi had kad; dan
- b) ansuran bulanan di bawah Pelan Pembayaran Mudah (EPP).

Yuran Pentadbiran

1.5% daripada had kad awda akan dikenakan sebagai Yuran Pentadbiran ke akaun kad awda jika awda tidak membuat pembayaran penuh pada tarikh akhir. Walaubagaimanapun, pihak Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk) memberikan awda Ibra' (rebate) atas budi bicara ke atas Yuran Pentadbiran yang telah dikenakan berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh pihak Bank termasuk akan tetapi tidak terhad kepada corak pembayaran dan penggunaan had kad.

Liabiliti Pemegang Kad Utama

Sebagai Pemegang Kad Utama, awda bertanggungjawab atas mana-mana / kesemua transaksi yang dibuat oleh kesemua Pemegang Kad tambahan.

10. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

- a. Kegagalan, keengganan dan / atau kecuaian dalam membuat pembayaran minimum dan/atau tertunggak yang dinyatakan dalam penyata akan mengakibatkan pihak Bank untuk menyekat akaun kad atau penggunaan mana-mana kad.
- b. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggabung, menolak atau menyatukan mana-mana baki dalam akaun yang lain yang awda kekalkan dengan pihak Bank bagi tujuan pembayaran penuh atau separa baki tertunggak kad awda pada bila-bila masa dan tanpa notis.
- c. Jika Kad Kredit dijamin dengan Akaun Simpanan Tetap / Sijil Deposit, pihak Bank berhak untuk menolak akaun Simpanan Tetap / Sijil Deposit untuk menjelaskan jumlah yang perlu dibayar. Simpanan Tetap / Sijil Deposit akan dikekalkan selagi Kad Kredit masih aktif.
- d. Sekiranya berlaku keingkaran atau tidak ada pembayaran ke atas kewajipan Pemegang Kad bagi mana-mana akaun Pemegang Kad setelah menerima penyata (atau apa-apa bentuk notis bertulis yang dianggap sesuai oleh pihak Bank), Pemegang Kad hendaklah membuat pembayaran sepenuhnya terhadap kesemua baki yang tertunggak dalam akaun kad, dan pihak Bank juga boleh, atas budi bicaranya secara mutlak membatalkan hak Pemegang Kad untuk menggunakan semua atau mana-mana kad. Pemegang Kad juga memberi kuasa kepada pihak Bank untuk membuat pemotongan terus daripada mana-mana akaun Pemegang Kad untuk melunaskan hutang Pemegang Kad.
- e. Pihak Bank mempunyai hak untuk menamatkan kemudahan Kad Kredit jika awda gagal untuk mematuhi terma dan syarat bagi penggunaan Kad Kredit.

11. Apakah risiko-risiko utama?

- a. Sekiranya berlaku keingkaran, Pemegang Kad perlu menanggung kos daripada prosiding undang-undang yang dimulakan oleh pihak Bank terhadap Pemegang Kad.
- b. Awda harus memaklumkan pihak Bank dengan segera selepas mendapati bahawa Kad Kredit awda hilang, dicuri, transaksi yang tidak dibenarkan telah berlaku dan / atau PIN awda mungkin telah terjejas.

12. Apa perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan pada butiran perhubungan saya?

Jika terdapat sebarang perubahan pada butiran perhubungan awda, seperti alamat atau nombor telefon awda, kunjungi mana-mana cawangan BIBD kami dan lengkapkan Borang Kemaskini Butiran Peribadi (PPU).

Adalah penting untuk awda memaklumkan pihak Bank sebarang perubahan butiran perhubungan awda bagi memastikan semua persuratan akan diterima tepat pada masanya.

13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan remedii?

Jika awda memerlukan sebarang bantuan, awda boleh menghantar e-mel kepada Unit Pusat Resolusi Pelanggan kami di customer.resolution@bibd.com.bn, hubungi Pusat Panggilan kami di +673 2238181 atau kunjungi mana-mana cawangan BIBD terdekat awda.

Aduan juga boleh diajukan kepada:

Unit Pusat Resolusi Pelanggan

Tingkat 6, BIBD Headquarters
Lot 159, Jalan Pemancha
Bandar Seri Begawan BS8711
Brunei Darussalam

Jika awda tidak berpuas hati dengan keputusan resolusi kepada pertanyaan atau aduan awda, awda boleh menghubungi Brunei Darussalam Central Bank di:

Brunei Darussalam Central Bank

Tingkat 7, Financial Consumer Issues,
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi,
Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB3910
Brunei Darussalam
E-mel: fci@bdcb.gov.bn
Nombor Telefon: 2380007

14. Maklumat tambahan

Sekiranya berlaku:

- a. Sebarang keraguan tentang panggilan telefon, teks SMS atau e-mel yang diterima atau tindakan berhubung dengan kad atau kebenaran awda diperlukan bagi sebarang transaksi, awda boleh menghubungi pihak Bank pada bila-bila masa untuk mendapatkan penjelasan.
- b. Sebarang transaksi yang tidak dibenarkan pada penyata awda, awda boleh menghubungi pihak Bank bagi siasatan lanjut. Jika transaksi didapati palsu, tindakan akan diambil oleh pihak Bank termasuk penggantian kad yang terjejas dan pelarasan caj dalam akaun kad kredit awda.
- c. Percanggahan dalam penyata awda, sila laporkan pertikaian dalam 14 hari dari tarikh penyata kepada pihak Bank untuk mengelakkan sebarang Yuran Pentadbiran dikenakan ke atas transaksi yang dipertikaikan.
- d. Kehilangan atau kecurian kad, awda hendaklah melaporkan dengan segera dengan menghubungi ejen Pusat Perhubungan kami melalui BIBD NEXGEN Wallet atau dengan menghubungi:
 - Pusat Perhubungan BIBD di talian 2238181; atau
 - Pusat Perhubungan Perdana di talian 2236688
- e. Jika Pemegang Kad menggunakan Kad Kredit untuk transaksi dalam matawang selain Dolar Brunei, jumlah tersebut akan ditukar pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Mastercard/Visa, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada tarikh penukaran. Sebagai tambahan, Yuran Tambahan / Matawang Asing juga akan dikenakan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Tarif BIBD yang terkini.

15. Apakah yang perlu saya lakukan apabila mendapatkan Kad Kredit BIBD?

Mengaktifkan kad / Fungsi e-Dagang Dengan menghubungi Pusat Perhubungan BIBD.

Mengaktifkan PayWave / Contactless Dengan membuat transaksi pertama dengan memasukkan kad awda ke dalam terminal kad.

PIN Awda akan menerima PIN awda melalui pos yang dihantar ke alamat surat-menjurut awda.

16. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sila layari laman web kami di www.bibd.com.bn atau hubungi Pusat Panggilan kami di 2238181 yang tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Awda juga boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami.

Pengisytiharan Perbankan Peribadi

Saya mengesahkan telah menjelaskan Lembaran Maklumat Produk berkenaan kepada Pelanggan dalam bahasa pilihan mereka.

Nama: _____

No. ID Kakitangan: _____ Tandatangan: _____

Pengisytiharan Pemohon

Dengan menandatangani di bawah, saya / kami dengan ini:

- a. mengesahkan bahawa semua maklumat diberikan semasa tempoh permohonan adalah benar dan tepat dalam semua aspek;
- b. mengesahkan bahawa semua dokumen yang diberikan semasa permohonan adalah tulen;
- c. memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mengesahkan mana-mana maklumat yang diberikan dari sumber yang dianggap sesuai oleh pihak Bank;

- d. mengesahkan bahawa pada masa permohonan ini saya / kami bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan dan tidak ada prosiding undang-undang yang dimulakan terhadap saya / kami;
- e. mengakui bahawa pihak Bank mempunyai hak mutlak untuk menolak permohonan saya tanpa memberikan apa-apa sebab;
- f. bersetuju dan memahami bahawa maklumat yang diberikan adalah terma dan syarat utama sebelum memohon Kad Kredit dan saya / kami dikehendaki untuk membaca Terma dan Syarat Kad Kredit BIBD yang boleh didapati di www.bibd.com.bn atau di mana-mana cawangan BIBD.
- g. mengesahkan bahawa saya / kami telah memahami penjelasan dan kandungan PDS yang diberikan dalam bahasa pilihan saya / kami.

Pemohon Kad Utama	Pemohon Kad Tambahan
Nama : _____	Nama : _____
No. IC / Pasport : _____	No. IC / Pasport : _____
Tandatangan : _____	Tandatangan : _____
Tarikh : _____	Tarikh : _____

NOTA PENTING: Maklumat yang diberikan dalam PDS ini pada 13 Disember 2023.

Contoh Penyata Kad Kredit



Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
Penyata Kad Kredit BIBD
BIBD Credit Card Statement

Mulai dari
Page 1 of 1

Tarikh Penyata
Statement Date

05 July 2021

Ringkasan Akaun Awda
Your Account Summary

Had kredit Credit limit	\$ 1,000.00
Tuntutan terdahulu Previous balance	-\$ 16.36
Tuntutan terbaharu New transactions	\$ 50.08
Bayaran diterima Payments received	\$ 0.00
Jumlah terkini Your new balance	\$ 33.72

Butiran Bayaran Awda
Your Payment Details

Bayaran minima Minimum payment	\$ 33.72
Tarikh akhir pembayaran Payment due date	30 Jul 2021

Mata Ganjaran Awda
Your Rewards Points

Mata ganjaran sedia ada Points carried forward	13,220
Mata ganjaran diterima Points earned	7,886
Mata ganjaran ditebus / Diperbetulkan Points redeemed / Adjusted	-12,000
Mata ganjaran mansuh Points expired	0
Baki mata ganjaran Points available	9,106
Mata ganjaran yang akan mansuh Points expiring on Jun 2024	1,220
Mata ganjaran yang akan mansuh Points expiring on Jul 2024	7,886

Butiran transaksi awda Your transaction details	Pembayaran Payment	Caj Charge
PREVIOUS BALANCE	-16.36	
05 Jul ATM ONUS CASH ADV ON 05 Jul	10.00	
05 Jul CASH ADVANCE FEE ON 05 Jul	35.00	
05 Jul RETAIL SHOPPING ON 05 Jul	2.88	
05 Jul ADMINISTRATION FEE ON 05 Jul	2.20	
GRAND TOTAL	\$ 50.08	

"Mata Ganjaran Awda" merujuk pada jumlah poin yang anda peroleh dengan menggunakan kad kredit. Untuk pengambilan, setiap penyata kad kredit akan mencantumkan jumlah mata ganjaran yang anda miliki. Mata ganjaran ini boleh ditukarkan dengan hadiah dan rebat yang berlaku pada perniagaan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) atau di warung tersendiri. Maklumat lanjut tentang mata ganjaran yang berlaku, boleh dilihat dalam Penyata Kad Kredit BIBD.

"Your Rewards Points" shows the total number of points which you have earned from the use of your Card. As part of your statement, we will reflect the same amount of rewards points. You are advised to examine the details of this statement carefully and to report any discrepancies to the bank within fourteen (14) days from the date of this statement. Unless otherwise specified within the terms and conditions of the credit card issued, the details in the statement shall be deemed accurate and conclusive.

Cardholder Registration No: RC00006420
Contract/CCT No: 0000000000000000

Contact Centre +673 223 8181 | www.bibd.com.bn



BIBDBRUNEI

Ilustrasi terhadap Pengiraan Yuran Pentadbiran

Senario 1 – Pengiraan bagi setiap transaksi baru yang dibuat

Had Kad	\$2,000.00
Tarikh Transaksi	14/02/22
Jumlah Transaksi (Transaksi dalam talian atau di kedai)	\$1,000.00
Pengeluaran Pendahuluan Tunai	\$200.00
Tarikh Penyata	05/03/22
Tarikh Perlu Bayar Awda	30/03/22
Bayaran Minimum Yang Perlu Awda Bayar	\$98.80

Contoh 1 - Bayaran Minimum Yang Perlu Dibayar Sahaja

Awda membayar bayaran minimum yang perlu dibayar pada 27/03/22	\$98.80
Baki tertunggak awda pada 27/03/22	\$1,136.20
Baki pada tarikh perlu bayar 30/03/22	\$1,136.20
Yuran Pentadbiran:	
- Ditetapkan pada kadar 1.5% sebulan atas had Kad	\$30.00
- Ibra' (rebate) atas budi bicara	(\$27.20)
- Yuran Pentadbiran yang akan dikenakan (31/03/22 ke 05/04/2022, 6 hari)	\$2.80
Yuran Pengeluaran Pendahuluan Tunai	\$35.00

Contoh 2 - Bayaran Penuh Baki Tunggakan

Awda membayar baki tertunggak dengan penuh pada 27/03/22	\$1,235.00
Baki tertunggak awda pada 27/03/22	\$0.00
Baki pada tarikh perlu bayar 30/03/22	\$0.00
Yuran Pentadbiran:	
- Ditetapkan pada kadar 1.5% sebulan atas had Kad	\$30.00
- Ibra' (rebate) atas budi bicara	(\$30.00)
- Yuran Pentadbiran yang akan dikenakan (31/03/22 ke 05/04/2022, 6 hari)	\$0.00
Yuran Pengeluaran Pendahuluan Tunai	\$35.00

Contoh 3 – Tiada Pembayaran Diterima

Awda tidak membuat sebarang bayaran sehingga 27/03/22	\$0.00
Baki tertunggak awda pada 27/03/22	\$1,235.00
Baki pada tarikh perlu bayar 30/03/22	\$1,235.00
Yuran Pentadbiran:	
- Ditetapkan pada kadar 1.5% sebulan atas had Kad	\$30.00
- Ibra' (rebate) atas budi bicara	(\$27.04)
- Yuran Pentadbiran yang akan dikenakan (31/03/22 ke 05/04/2022, 6 hari)	\$2.96
Yuran Pengeluaran Pendahuluan Tunai	\$35.00

Senario 2 – Pengiraan baki dibawa ke hadapan

Pembukaan Baki Tertunggak pada 05/04/22	\$1,136.20
Tarikh Penyata	05/04/22
Tarikh Perlu Bayar Awda	30/04/22
Bayaran Minimum Yang Perlu Awda Bayar	\$91.12

Contoh 1 - Bayaran Minimum Yang Perlu Dibayar Sahaja

Awda membayar bayaran minimum yang perlu dibayar pada 27/04/22	\$91.12
Baki tertunggak awda pada 27/04/22	\$1,047.88
Baki pada tarikh perlu bayar 30/04/22	\$1,047.88
Yuran Pentadbiran:	
- Ditetapkan pada kadar 1.5% sebulan atas had Kad	\$30.00
- Ibra' (rebат) atas budi bicara	(\$14.50)
- Yuran Pentadbiran yang akan dikenakan (06/04/22 ke 05/05/2022, 30 hari)	\$15.50
Yuran Pentadbiran (dibilkan pada 05/04/22)	\$2.80

Contoh 2 - Bayaran Penuh Baki Tunggakan

Awda membayar baki tertunggak dengan penuh pada 27/04/22	\$1,139.00
Baki tertunggak awda pada 27/04/22	\$00.00
Baki pada tarikh perlu bayar 30/04/22	\$00.00
Yuran Pentadbiran:	
- Ditetapkan pada kadar 1.5% sebulan atas had Kad	\$30.00
- Ibra' (rebат) atas budi bicara	(\$30.00)
- Yuran Pentadbiran yang akan dikenakan (06/04/22 ke 05/05/2022, 30 hari)	\$0.00
Yuran Pentadbiran (dibilkan pada 05/04/22)	\$2.80

Contoh 3 – Tiada Pembayaran Diterima

Awda tidak membuat sebarang bayaran sehingga 27/04/22	\$0.00
Baki tertunggak awda pada 27/04/22	\$1,139.00
Baki pada tarikh perlu bayar 30/04/22	\$1,139.00
Yuran Pentadbiran:	
- Ditetapkan pada kadar 1.5% sebulan atas had Kad	\$30.00
- Ibra' (rebат) atas budi bicara	(\$13.19)
- Yuran Pentadbiran yang akan dikenakan (06/04/22 ke 05/05/2022, 30 hari)	\$16.81
Yuran Pentadbiran (dibilkan pada 05/04/22)	\$2.80

Bruneian at Heart

